


## MANUAL KERJA PEMBERIAN SIJIL CUTI SAKIT (MC) ATAU LAPORAN DOKTOR KEPADA PELAJAR UNIVERSITI MALAYA

1. Pelajar yang tidak sihat perlu hadir ke Klinik UM untuk mendapatkan rawatan pada tarikh yang sama pengendalian kuliah atau peperiksaan yang dijalankan.
2. Pelajar yang tidak sihat semasa menduduki peperiksaan di Dewan Peperiksaan perlu memaklumkan kepada Pengawas Peperiksaan yang bertugas. Pengawas peperiksaan diminta untuk menghubungi Klinik UM bagi mendapatkan rawatan perubatan untuk pelajar berkenaan.
3. Pemeriksaan dan penilaian tahap kesihatan pelajar hanya akan dilakukan oleh Pegawai Perubatan Klinik UM sahaja.
4. Bagi kes rawatan selain tempoh peperiksaan, **Sijil Cuti Sakit (MC)** hanya akan dikeluarkan kepada pelajar yang layak manakala **Laporan Doktor** akan dikeluarkan terus kepada pelajar yang layak sekiranya rawatan diberikan semasa hari peperiksaan yang sepatutnya diduduki oleh pelajar.
5. **Laporan doktor** asal akan dikeluarkan terus kepada pelajar yang terlibat dengan salinan kepada Pengarah/Dekan PTj Akademik dan Ketua, Bahagian Peperiksaan dan Pengijazahan melalui emel rasmi Klinik UM.
6. Satu (1) salinan laporan doktor bagi pelajar akan disimpan di dalam fail UM.R/KUM/625/606/1 Klinik UM.
7. Klinik UM juga tidak akan mengeluarkan Sijil Cuti Sakit atau Laporan Doktor kepada pelajar positif COVID-19. Pelajar yang terlibat perlu mengemukakan bukti *Home Surveillance Order (HSO)* kepada Pengarah/Dekan PTj Akademik bagi pengurusan Gred I yang diperlukan.
8. Bagi kes-kes perubatan yang memerlukan kuarantin dalam tempoh peperiksaan, pelajar diminta untuk mendapatkan Sijil Cuti Sakit (MC) atau Laporan Doktor daripada Pengamal Perubatan Berdaftar selain doktor daripada klinik swasta.
9. Klinik UM tidak akan membuat sebarang pengesahan Sijil Cuti Sakit (MC) yang telah dikeluarkan oleh mana-mana Klinik Swasta. Langkah ini selaras dengan penetapan Kaedah dan Peraturan bagi Pengurusan Gred I bagi kes tidak hadir peperiksaan akhir di mana sijil cuti sakit dan laporan doktor oleh mana-mana **KLINIK SWASTA TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**

# CARTA ALIR MANUAL KERJA PEMBERIAN SIJIL CUTI SAKIT (MC) / LAPORAN DOKTOR KEPADA PELAJAR UNIVERSITI MALAYA



**Disahkan oleh:**  
Dr. Zuraidah Mohamed  
Ketua Klinik UM

**Dibentangkan dalam:**  
Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Program Ijazah Dasar (JPPID)  
Bil. 3/2023, 16.6.2023